

13/06/1997

Penyokong Pas diminta undi Barisan

Norazmi Abdul Talib

ALOR GAJAH, Khamis - Penyokong Pas dalam kawasan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Melekek diminta mengundi calon Barisan Nasional (BN) Sabtu ini, berikutan parti itu tidak meletakkan calon untuk bertanding.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Mustapa Mohamed, berkata lebih baik penyokong Pas menyokong calon BN, Nawi Ahmad, dibandingkan dengan calon bebas, J Appalاسamy yang tidak dikenali.

Menurutnya, Nawi sudah lama berkhidmat kepada masyarakat di DUN Melekek, termasuk menjadi guru di beberapa sekolah dan boleh menunjukkan kepemimpinan Islam, berbanding Appalاسamy.

"Saya harap rakan-rakan dalam Pas yang pernah memberi 515 undi kepada calon parti itu dalam pilihan raya umum 1995, akan mengundi pula BN dalam pilihan raya kecil ini," katanya dalam ceramah pilihan raya di Kampung Tabuh Naning dekat sini, malam tadi.

Menurutnya, adalah lebih baik penyokong Pas mengundi BN kerana parti itu sendiri tidak meletakkan calon bertanding dalam pilihan raya kecil berkenaan.

Mustapa yang juga Menteri Pembangunan Usahawan, berkata kerajaan Pas Kelantan sendiri sudah mula menerima kepemimpinan BN yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang terbukti berjaya menegakkan syiar Islam serta memartabatkan kedudukan Islam.

Katanya, ramai yang menyambut ketibaan Dr Mahathir yang melawat Kelantan pada April lalu.

Selain itu, katanya, sokongan terhadap BN di Kelantan bertambah dengan kemenangan dua kerusi Parlimen serta tujuh DUN pada pilihan raya umum lalu berbanding tiada kerusi yang dimenangi dalam pilihan raya umum 1990.

"Pemimpin Pas telah menerima kepemimpinan Dr Mahathir secara mendalam, tetapi di luar mereka menunjukkan tidak menerima," katanya.

Berdasarkan itu, tegasnya, penyokong Pas di DUN Melekek wajar melihat perubahan Pas di Kelantan dengan menyokong BN dalam pilihan raya berkenaan.

(END)